

# Selangor rancang guna teknologi biogas lupus sampah

UM 18 MAR 2002

SHAH ALAM 17 Mac – Kerajaan Selangor merancang menggunakan teknologi biogas dari Jerman bagi melupuskan sampah-sarap yang digunakan di negeri ini, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Menurutnya, teknologi itu sangat berguna kerana selain melupuskan sampah-sarap, ia juga dapat menghasilkan sumber tenaga untuk kegunaan industri dan sebagainya.

“Pada masa ini, sampah-sarap di negara kita dilupuskan dengan membakar atau menanaminya.

“Melalui teknologi biogas, kita bukan sahaja dapat melupuskannya tetapi juga memperoleh sumber tenaga baru,” katanya.

Beliau menambah, perkara itu bagaimanapun masih di peringkat kajian dan jika didapati sesuai, teknologi biogas tersebut akan diubahsuai supaya menepati kehendak dan keadaan di Selangor.

“Saya akan ke Jerman mengikut lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dari 17 hingga 21 Mac ini.

“Antara tujuan lawatan tersebut, Selangor mahu melihat kesesuaian teknologi biogas yang terdapat di negara berkenaan mengenai pelupusan sampah-sarap yang sekali gus dapat menghasilkan sumber tenaga,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani surat Akujanji kakitangan Radio Malaysia Selangor (RMS) di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini hari ini.

Di samping itu kata Menteri Besar, pada lawatan itu nanti, Selangor juga akan mengajak para pelabur Jerman supaya meningkatkan pelaburan mereka di negeri ini.

Menurutnya, kerajaan negeri akan menawarkan kepada para pelabur Jerman supaya membuat pelaburan dalam projek ‘Perkampungan Kasut’ yang akan diwujudkan di Puchong.

“Perkampungan tersebut meliputi pengeluaran kasut di samping menghasilkan daya cipta yang unik di peringkat antarabangsa.

“Kerajaan negeri juga bercadang memindahkan industri kasut yang kini terdapat di Seri Kembangan ke perkampungan tersebut di Puchong,” katanya.

Dr. Khir berkata, dengan kewujudan Perkampungan Kasut itu, Selangor bakal menjadi tumpuan dunia terutama pereka-pereka fesyen ternama.

“Kita juga bercadang melahirkan pereka-pereka kasut tempatan yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa,” katanya.